

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 AUGUST 2016

# Boleh diaplikasikan kepada semua negara

um - 17/8/2016

**PUTRAJAYA 16 Ogos** - Datuk Seri Najib Tun Razak percaya, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang digunakan Malaysia sejak 2009 boleh diaplikasikan kepada semua negara tanpa mengira 'rantai makanan' dan status kemajuannya.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan strategi berkenaan oleh Malaysia telah mencetus 'revolusi dalaman' berhubung cara kerja kerajaan di negara ini.

Kata beliau, strategi berkenaan telah memperkenalkan kerajaan kepada cara berbeza dalam melaksanakan kerja berbanding cara lama iaitu ke arah mencapai impak tinggi, kos rendah dan pelaksanaan pembangunan negara.

"Dalam NBOS, kita memberitahu jabatan-jabatan kerajaan supaya melihat dalam sistem itu sendiri jika terdapat sumber-sumber yang tidak digunakan atau kurang digunakan sepenuhnya. Meskipun projek 'gajah putih', kita minta lihat jika ia boleh dimanfaatkan.

"Cabaran terbesar melaksanakan NBOS adalah untuk mengatasi 'silo' antara kementerian dan budaya 'melindungi kawasan masing-masing'.

"Semua ini telah berubah. Dahulu kita bermula dengan kumpulan yang kecil tetapi kini kita ada sidang kemuncak Strategi Lautan Biru (BOS) dengan bilik mesyuarat yang besar melibatkan semua pihak. Semua mereka mahu menjadi sebahagian



**NAJIB TUN RAZAK** memperkatakan sesuatu kepada Raja Mswati III sambil diperhatikan Baron Waqa dalam sesi perbincangan dengan pemimpin negara asing pada Persidangan Antarabangsa Strategi Lautan Biru di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

daripada perjalanan dan usaha kebangsaan ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi Perbincangan Pemimpin yang diadakan sempena Persidangan Antarabangsa Strategi Lautan Biru (ICBOS) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Raja Swaziland, Raja Mswati III; Perdana Menteri Thailand, Jeneral Prayut

Chan-o-cha; Presiden Nauru, Baron Waqa dan Naib Presiden Maldives, Abdulla Jihad.

Sementara itu, Najib berkata, sebanyak 90 program NBOS telah dilaksanakan dengan jayanya di negara ini dan terdapat banyak contoh daripada pencapaian tersebut termasuk Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan kerjasama antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera

Malaysia (ATM).

Beliau menjelaskan, melalui Program Pemulihan Dalam Komuniti yang memisahkan penjenayah kecil daripada penjenayah tegar, hanya empat daripada 1,000 banduan dibebaskan akan kembali kepada kehidupan jenayah.

"Seperti di California, Amerika Syarikat, kadarnya adalah lebih 60 peratus dan ini adalah amat tinggi," katanya.